

Pekerja pembersihan tapak pembinaan didakwa atas tuduhan membunuh

KUCHING: Seorang pekerja pembersihan tapak pembinaan didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam atas tuduhan membunuh seorang wanita, yang mayatnya ditemui di sebuah bilik sewa di MJC Batu Kawa pada Februari lalu.

Mohammad Amin Abdullah, 25, didakwa di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara minimum 30 tahun dan jika tidak dijatuhi hukuman mati, hendaklah dikenakan sebatan tidak kurang daripada 12 sebatan.

Tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh semalam.

Pegawai pendakwa, ASP Arman Ibrahim memohon mahkamah menetapkan tarikh baharu untuk sebutan lanjut kes kerana laporan kimia masih belum disiapkan.

Majistret Ling Hui Chuan menetapkan 15 Mei 2025 untuk sebutan lanjut kes.



DIDAKWA: Sylvarius (kiri) mengiringi tertuduh (dua kiri) selepas prosiding di Kompleks Mahkamah Kuching. — Gambar Kentigern Minggu

Mohammad Amin didakwa membunuh Noraliza Suhaili, 36, antara jam 6.00 petang dan 7.15 malam pada 5 Februari 2025 di lokasi di mana mayat mangsa

ditemui.

Tertuduh sebelum ini direman dari 22 hingga 28 Mac 2025 bagi membantu siasatan.

Pekerja pembersihan tapak pembinaan didakwa atas tuduhan membunuh

► Dari Muka 1

ASP Sylvarius Gopog mengendalikan kes ini, yang disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Difahamkan, suspek mempunyai rekod jenayah lampau di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana kesalahan rogol.

Ketua Polis Daerah Padawan Superintenden Mohd

Irwan Hafiz Md Radzi sebelum ini dilaporkan berkata siasatan awal mendapati terdapat jerutan kain di leher mangsa, menunjukkan kemungkinan dia telah dicekik.